

PIAGAM PEMBANGUNAN MAMPAN

UNTUK RAKAN KONGSI ROLEX



Rolex telah menerapkan aspek tanggungjawab ke dalam semua aktiviti mereka. Sejak awal lagi, keprihatinan Rolex terhadap kualiti dan ketahanan sememangnya menuju ke arah kemampanan, yang dicerminkan oleh jam tangan yang dibina untuk bertahan terhadap peredaran masa.

Budaya kecemerlangan dan semangat inovasi berterusan membimbang setiap tindakan syarikat, daripada sentiasa menambah baik produk dan keadaan kerja pekerja, kepada mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan masyarakat. Oleh itu, Rolex komited untuk menjalankan perniagaan secara bertanggungjawab dan melaksanakan langkah pembangunan mampan yang konkret di sepanjang rantaian nilai.

Piagam Pembangunan Mampan menetapkan harapan utama Rolex terhadap pelbagai rakan kongsi¹, yang kesemuanya menyumbang, melalui kerja mereka, untuk meningkatkan imej jenama di mata dunia dan membina reputasi jenama. Tujuan dokumen ini adalah untuk menggalakkan rakan kongsi ini menggunakan standard yang sama seperti standard yang diguna pakai oleh Rolex sejak dahulu lagi.

Piagam ini merasmikan komitmen sukarela kepada masyarakat dan planet ini, serta bertujuan untuk memupuk dan membangunkan usaha bersama ke arah kemampanan yang lebih utuh, demi kepentingan sebanyak mungkin pihak dan untuk generasi akan datang. Berteraskan semangat penambahbaikan berterusan, piagam ini mengenal pasti amalan baik dalam kemampanan, untuk manfaat semua. Oleh itu, piagam ini mungkin akan dipinda dari semasa ke semasa apabila pengalaman diperoleh dan perundangan berubah.

Rolex menjemput rakan kongsi untuk bersama-sama mengisyiharkan komitmen mereka terhadap pembangunan mampan melalui pendekatan perkongsian berasaskan kepercayaan dan ketelusan. Dengan menandatangani dokumen ini, mereka berjanji untuk menyokong jenama ini dalam kegiatan kemampanan dan membangunkan inisiatif supaya rakan kongsi perniagaan mereka sendiri boleh menggunakan prinsip dan langkah yang sama.

¹ Istilah ‘rakan kongsi’ merujuk kepada pembekal, penyedia perkhidmatan dan peruncit rasmi serta mana-mana orang atau entiti undang-undang yang mempunyai hubungan perniagaan atau kontrak dengan ROLEX.

PRINSIP DAN LANGKAH

Dengan hasrat untuk mencapai kemampunan dan dengan mempertimbangkan peruntukan dan peraturan undang-undang negara dan antarabangsa yang ditetapkan berhubung dengan tanggungjawab sosial dan alam sekitar korporat, Rolex telah mentakrifkan satu set prinsip dan langkah yang dirangka bagi memastikan penghormatan terhadap hak asasi manusia dan kebebasan asasi, perlindungan alam sekitar, dan tadbir urus yang baik dalam rangka kerja aktiviti ekonominya.

Prinsip dan langkah yang digariskan di bawah mengambil kira teks rujukan antarabangsa berikut: Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk tahun 2030.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Rakan kongsi Rolex berjanji untuk tidak sekali-kali terlibat dalam buruh kanak-kanak, perhambaan atau pengabdian, pemerdagangan manusia, atau buruh paksa atau wajib, atau menggunakan sebarang perkhidmatan atau produk yang timbul daripada jenis buruh terlarang ini. Mereka turut menolak segala bentuk diskriminasi, termasuk atas alasan kaum, agama, etnik, jantina atau ketakupayaan.

Mereka berjanji akan melayan lelaki dan wanita secara sama rata dan hormat. Demi mematuhi peraturan sosial yang berkenaan (imbuhan, gaji, dan waktu kerja dan syarat), mereka hendaklah menghapuskan apa-apa tingkah laku yang merosakkan maruah dan kesejahteraan di tempat kerja.

Mereka menolak semua bentuk gangguan fizikal atau psikologi, dan secara khususnya menghormati hak asasi kebebasan untuk berhimpun dan berpersatuan. Mereka juga berjanji untuk mengguna pakai standard kesihatan dan keselamatan yang dikuatkuasakan dalam syarikat atau syarikat-syarikat mereka.

TANGGUNGJAWAB ALAM SEKITAR

Rakan kongsi Rolex berjanji akan bertindak mengikut standard alam sekitar yang berkenaan, bagi mengurangkan jejak ekologi mereka.

Dalam hal ini, mereka bersetuju untuk mengambil langkah bagi memerangi perubahan iklim (dengan mengukur pelepasan gas rumah hijau mereka dan mengurangkan ia sebanyak mungkin) dan bertindak untuk melindungi biodiversiti (terutamanya melalui penggunaan sumber asli secara bertanggungjawab).

TADBIR URUS

Rakan kongsi Rolex berjanji untuk menerima pakai proses pemerolehan yang bertanggungjawab².

Mereka juga hendaklah melaksanakan semua langkah yang perlu untuk menjangka dan mengelakkan situasi apabila kepentingan peribadi boleh bercanggah dengan kepentingan syarikat. Mereka juga berjanji untuk mencegah rasuah dengan mengambil langkah bagi mengesan kes yang disyaki.

Mereka hendaklah bertindak mengikut peruntukan undang-undang negara dan antarabangsa yang berkenaan untuk melaksanakan amalan baik dalam tadbir urus korporat dan untuk memastikan pematuhan terhadap usaha wajar dan keperluan ketelusan, undang-undang perniagaan dan percukaian.

Akhirnya, mereka berjanji untuk mematuhi peraturan persaingan bebas, perlindungan maklumat dan kerahsiaan.

² Panduan Usaha Wajar OECD untuk Rantaian Bekalan Mineral Secara Bertanggungjawab dari Kawasan Berkonflik dan Berisiko Tinggi/2016/Edisi Ketiga.

PENGGUNAAN PIAGAM

Rakan kongsi bersetuju untuk bekerjasama dengan Rolex bagi memastikan pematuhan terhadap piagam serta penggunaan prinsip dan langkah piagam dalam menjalankan perniagaan mereka.

Mereka akan memberitahu Rolex tentang sebarang kesulitan dalam menggunakan prinsip dan langkah serta sebarang pelanggaran langkah yang mungkin mereka lihat.

PINDAAN PIAGAM

Kandungan piagam berkemungkinan akan berkembang mengikut perubahan dalam bidang pembangunan mampan, terutamanya pengubahsuaian terhadap standard dan peraturan kebangsaan dan antarabangsa.

Semua pindaan dan kemas kini piagam akan dimaklumkan kepada rakan kongsi dan memerlukan tandatangan tambahan untuk mengesahkan perubahan.

Nama syarikat rakan kongsi

Nama penandatangan atau penandatangan

Tempat dan tarikh

Tandatangan rakan kongsi

Versi	Tarikh	Pengubahsuaian
1	Februari 2022	Piagam awal.
2	Mei 2023	<ul style="list-style-type: none">– Rujukan kepada Panduan OECD ditambahkan pada halaman 4.– Perubahan pada ayat akhir pada halaman 5 (tandatangan tambahan sekiranya terdapat pindaan pada piagam).